



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**ATENDAN SWITCHBOARD (D.4 EB.5)
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



ATENDAN SWITCHBOARD
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
D.4 EB.5 (\$1,225 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC / BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang *Electrical and Electronics Engineering / Mechanical Engineering* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada *shift-in-charge* dalam mengendalikan dan menguasai *switchboard* stesen janakuasa dan penyelarasan;
2. Bertanggungjawab dalam mengawasi, mencatat bacaan serta mentafsir peralatan *instrument* yang berkaitan dengan *Gas Turbine Generator* di bilik kawalan dan bangunan *switchgear* ke dalam kertas log serta membuat pengiraan *Basic Power System*;
3. Memastikan *Gas Turbine Generator* beroperasi di dalam lingkungan yang selamat;



4. Bertanggungjawab ke atas keselamatan kakitangan di bawah jagaannya, keselamatan kerja dan alatan jentera janakuasa;
5. Bekerja secara bergilir-gilir (*shift-duty*) sama ada di Stesen Janakuasa Gadong, Stesen Janakuasa Bukit Panggal Tutong dan Stesen Janakuasa Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien (SHOASSKW) Lumut;
6. Membantu Pengawas Shift mengendalikan *Gas Turbine* semasa *startup* atau *shutdown* serta kecemasan;
7. Melaporkan kepada Pengawas Shift dengan sesegeranya jika berlakunya sebarang *abnormality* terhadap operasi Loji Janakuasa;
8. Melakukan *operational* aktiviti seperti mana jadual yang diberikan sepanjang tahun seperti *Motor Change over*, *EDG operational test*, *Vacuum test* and *online water wash for gas turbine*;
9. Menstabilkan sistem dan melakukan sebahagian daripada aktiviti-aktiviti *switching*;
10. Membuat pengiraan *basic power system*;
11. Membantu Pengawas Shift semasa berlakunya kecemasan seperti *surge occurrence* pada sistem penghantaran voltan tinggi ataupun berlakunya kegagalan pada perkara-perkara seperti *Gas*, *Steam Turbine*, *HRSG* and *Balance of plant*; dan
12. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan dari Pegawai atasan dari semasa ke semasa.